

Tarjumān Al-Mustafīd: Suatu Analisis Rujukan Kitab Tafsir Secara Keseluruhan

Tarjumān Al-Mustafīd: Overall References of Kitab Tafsir Analyze

AHMAD SAFWAN RAIHAN, MOHD SYUKRI YEOH ABDULLAH, ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA &
MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH

ABSTRAK

Artikel ini memperlihatkan suatu analisis terhadap rujukan oleh Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili ketika mengarang Tarjumān al-Mustafīd. Kajian ini juga mengesahkan rujukan utama Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili dalam Tarjumān al-Mustafīd. Analisis ini dilakukan terhadap naskhah cetakan Tarjumān al-Mustafīd yang dicetak pada tahun 1951 di Singapura. Kajian ini menggunakan metodologi pentahkikan, analisis dokumen dan kajian kepustakaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah merujuk kepada tujuh kitab tafsir yang utama iaitu Tafsīr al-Khāzin, Tafsīr al-Bayḍāwī, Tafsīr al-Thaʿlabī, Tafsīr al-Jalālayn, Tafsīr al-Baghawī, Tafsīr al-Ṭabarī dan Tafsīr al-Kalbī.

Kata kunci: Tarjumān al-Mustafīd; Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili; tafsir; pentahkikan; karya kitab

ABSTRACT

This article shows an analysis of references by Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili when composing Tarjumān al-Mustafīd. This study also confirms the main reference of Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili in Tarjumān al-Mustafīd. This analysis was done on a printed copy of Tarjumān al-Mustafīd printed in 1951 in Singapore. This study uses document analysis and literature review. The results show that Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili has referred to seven major tafsir books namely Tafsīr al-Khāzin, Tafsīr al-Bayḍāwī, Tafsīr al-Thaʿlabī, Tafsīr al-Jalālayn, Tafsīr al-Baghawī, Tafsīr al-Ṭabarī and Tafsīr al-Kalbī.

Keywords: Tarjumān al-Mustafīd; Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkil; interpretation; philology; top reference

PENGENALAN

Tafsir secara etimologi, diambil daripada kata “fassara – yufassiru – tafsiira” yang bermaksud keterangan atau huraian¹. Kata ‘tafsir’ mengikut wazan (tafīl) yang berasal daripada kata al-Fasr yang bermaksud menjelaskan, menyingkap dan menampakkan atau menerangkan makna yang abstrak. Kata kerjanya mengikut wazan ḍaraba-yadribu dan naṣara-yansuru. Kata al-Tafsīr dan al-Fasr memberi makna iaitu menjelaskan atau menyingkap yang tertutup. Dapat disimpulkan bahawa kata al-Tafsīr membawa makna daripada segi istilah ialah menyingkapkan maksud sesuatu lafaz yang musykil dan sulit. Pengertian tafsir dengan makna di atas, sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah al-Furqān, 33. Maksudnya:

Dan mereka tidak membawa kepada mu sesuatu kata-kata yang ganjil melainkan kami bawakan kepadamu kebenaran dan penjelasan yang sebaik-baiknya.

Disiplin ilmu tafsir tidak wujud di zaman Rasulullah SAW. Hal ini kerana Baginda SAW sendiri yang memberikan penjelasan dan tafsiran terhadap setiap wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT yang bertaut dengan setiap peristiwa yang berlaku. Hal ini diperakui oleh firman Allah SWT bahawa penjelasan Baginda SAW adalah sebahagian daripada wahyu seperti ungkapan firman Allah SWT dalam Surah al-Najm, 3 – 4. Maksudnya:

Dan ia tidak memperkatakan menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri, segala yang diperkatakannya tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

Kenyataan ini telah dikuatkan lagi apabila Saidatina Aisyah ditanya oleh sahabat yang bernama Saʿad bin Hishām RA tentang keperibadian Rasulullah SAW Maka Saydatinā ʿĀʿishah RA menjawab bahawa Baginda Rasulullah SAW adalah al-Qurʿān yang hidup².

Antara sahabat Nabi Muhammad SAW yang paling banyak meriwayatkan tafsir daripada Baginda ialah ʿAbdullah bin Masʿūd RA. Walau bagaimanapun, hanya Ibn ʿAbbās RA sahaja sahabat Baginda SAW yang dibenarkan untuk mencatat tafsiran yang diberi oleh Nabi Muhammad SAW. Ibn ʿAbbās RA yang digelar sebagai Terjemahan al-Qurʿān³ adalah antara sahabat yang paling banyak meriwayatkan tafsir al-Qurʿān daripada Nabi Muhammad SAW. Hal ini kerana Ibn ʿAbbās RA diberikan kelebihan oleh Nabi Muhammad SAW seperti yang telah diriwayatkan oleh ulama-ulama hadis yang terkenal⁴.

Setelah Baginda SAW wafat, beberapa sahabat yang melanjutkan pengajaran tafsir al-Qurʿān. Namun kemunculan mereka mengikut zon geografi, seperti Ibn ʿAbbās RA di kota Mekah⁵, Ubay bin Kaʿb RA⁶ di kota Madinah serta ʿAbdullah bin Masʿūd RA⁷ di kota Kufah.

Golongan tābiʿīn telah meneruskan usaha para sahabat Baginda SAW dalam menguasai disiplin ilmu tafsir sebelum dikembangkan secara meluas melalui penyebaran Islam ke seluruh dunia. Tafsir itu disampaikan melalui perbuatan (tingkah laku) umat Islam di mana sahaja mereka pergi dan bermastautin. Hal ini juga berlaku di alam Melayu, apabila kedatangan para pedagang Islam yang menghayati tafsir al-Qurʿān dalam kehidupan mereka. Komunikasi para pedagang yang menghayati tafsir al-Qurʿān ini dengan masyarakat peribumi alam Melayu itu menyebabkan mereka tertarik untuk memeluk agama Islam⁸.

Ajaran tafsir yang disampaikan secara tidak langsung yang menyentuh persoalan kehidupan masyarakat peribumi alam Melayu waktu itu menarik minat masyarakat peribumi untuk belajar huruf hijāʾiyah bertujuan mengenal pembacaan dan tafsir al-Qurʿān secara beransur-ansur dan perlahan-lahan. Sekali gus ia diajar membaca dan menulis al-Qurʿān dan tafsirnya. Para ulama didatangkan para pedagang Islam untuk menyebarkan Islam termasuk tafsir al-Qurʿān kepada masyarakat peribumi yang baru memeluk agama Islam. Hal ini telah mengangkat martabat masyarakat peribumi alam Melayu dengan menghidupkan budaya ilmu tafsir dalam kehidupan mereka. Keadaan ini telah memunculkan ramai tokoh-tokoh sarjana peribumi, antaranya Shaykh Hamzah al-Fansuri⁹ dan Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili¹⁰.

Tafsir *Tarjumān al-Mustafid* telah ditulis oleh Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili dalam bahasa Melayu untuk panduan kehidupan

masyarakat peribumi alam Melayu. Ketika menulis kitab tafsir ini, Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili adalah mufti kerajaan Aceh Dar al-Salam selama empat era pemerintahan sultanah¹¹. *Tarjumān al-Mustafid* adalah tafsir berbahasa Melayu pertama lengkap di alam Melayu yang dikarang oleh Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili pada abad ke-17 Masihi. Kitab tafsir ini mengandungi tafsiran terhadap 114 surah bermula daripada surah al-Fātihah sehingga surah al-Nās. Kitab Tafsir *Tarjumān al-Mustafid* yang dikarang oleh Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili ini masih berbentuk manuskrip yang disalin oleh Shaykh Ahmad Umar bin Haji Jalaluddin Palembang¹² menggunakan tulisan tangan dan masih disimpan di beberapa perpustakaan dan orang perseorangan yang berminat dengan karya Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. Naskhah ini boleh dilihat di Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Banda Aceh, Zawiyah Tanoh Abee di Aceh, Perpustakaan Ali Hasmjy di Aceh, Pustaka Nasional Jakarta, British Library di London, Perpustakaan Universiti Oxford di London dan di Perpustakaan Leiden, Belanda.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Selain menggunakan kaedah pentahkikan, kajian ini juga mengumpul data menggunakan kaedah analisis dokumen dan kajian kepustakaan.

Tahkik adalah satu proses yang bersungguh-sungguh dan penuh ketelitian secara khusus terhadap naskhah-naskhah manuskrip yang tertentu bagi memastikan isi kandungan naskhah-naskhah manuskrip itu dapat disabitkan kebenarannya dengan memenuhi beberapa syarat yang akan ditetapkan¹³. Proses pentahkikan akan melalui beberapa saringan dalam memastikan naskhah tersebut dapat dijadikan sumber yang utama dalam kajian yang akan datang¹⁴. Antara proses-proses yang dilakukan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah:

1. tahkik judul
2. tahkik nama pengarang
3. tahkik kesahihan naskhah
4. tahkik matan (isi kandungan) naskhah.

Pentahkikan akan dilakukan kepada naskhah cetakan *Tarjumān al-Mustafid* cetakan Pustaka Nasional Singapura yang dicetak pada tahun 1951.

Analisis dijalankan terhadap naskhah ini bagi mengenal pasti dan mengesahkan rujukan Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili dalam mengarang *Tarjumān al-Mustafid*. Metodologi kajian kepustakaan juga akan digunakan bagi mendapatkan riwayat hidup pengarang kitab-kitab tafsir yang menjadi rujukan Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili.

DAPATAN KAJIAN

RIWAYAT HIDUP SHAYKH ABDUL RAUF ALI AL-FANSURI AL-SINGKILI

Nama penuh beliau ialah Shaykh Abdul Rauf Ali al-Jawi al-Fansuri al-Singkili. Al-Jawi ialah berasal daripada bahasa Arab dan merupakan nisbah kepada bangsa Melayu. Al-Jawi memperlihatkan bahawa Shaykh Abdul Rauf adalah keturunan Jawi (Melayu). Manakala al-Fansuri pula nisbah kepada desa Barus, iaitu desa kelahirannya. Al-Singkili pula ialah sebuah daerah di mana terletaknya desa Barus iaitu di Aceh Selatan. Beliau pernah diberi pelbagai gelaran semasa hidupnya. Gelaran yang paling masyhur ialah Kadi al-Malik al-Adil. Gelaran ini diberikan kepada beliau, setelah perlantikan beliau sebagai mufti kerajaan Aceh Dar al-Salam oleh Sultanah Tajul Alam Safiatuddin pada tahun 1665M.

Beliau dilahirkan di desa Barus, wilayah Singkel di Aceh Selatan sekitar tahun 1024 Hijrah bersamaan tahun 1615 Masihi. Beliau mula mendapat pendidikan awal dengan ayahnya sendiri yang merupakan pengasas kepada Zawiyah Suro Lipat Kajang. Selepas berguru dengan ayahnya, Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah ditawarkan oleh Syekh Hamzah Fansuri untuk menjadi anak muridnya. Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili berguru dengan Shaykh Shamsuddin al-Sumatra'i sehingga gurunya itu berhijrah ke Tanah Melayu untuk berjihad menentang Belanda. Polemik wujudiah yang dipelopori oleh Shaykh Nuruddin al-Raniri telah menyebabkan banyak karya-karya Shaykh Hamzah Fansuri dan Shaykh Shamsuddin al-Sumatra'i telah dibakar. Seluruh peristiwa yang berlaku telah diamati oleh Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili sehingga beliau membuat keputusan untuk mengembara keluar dari Aceh untuk menuntut ilmu.

Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah memulakan perjalanan untuk menuntut ilmu ke timur tengah pada era pemerintahan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin (1641-1675M). Beliau mula

menuntut ilmu di Qatar sebelum bergerak ke Yaman. Setelah menghabiskan beberapa tahun di Yaman, beliau menuju pula ke Hijaz. Perjalanan menuntut ilmu Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah berhenti di Madinah al-Munawwarah. Di sinilah beliau berguru dengan Shaykh Ahmad al-Qusaṣī hingga gurunya wafat pada tahun 1071H/1660M. Beliau telah mempelajari ilmu tasawuf daripada Shaykh Ahmad al-Qusaṣī sehingga menerima ijazah Khalifah Tariqat Shattariyyah Qadiriyyah. Setelah kematian al-Qusaṣī, Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah berguru dengan Shaykh Ibrāhīm al-Kurani. Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili mengambil masa selama 19 tahun untuk menuntut ilmu di timur tengah. Pada tempoh tersebut, beliau memanfaatkannya sebaik mungkin dalam menimba pelbagai disiplin ilmu agama antaranya tafsir. Selain itu, beliau mengekalkan hubungan dengan guru-guru beliau dan rakan-rakan seperguruan walaupun telah kembali ke Aceh. Hal ini menjadikan Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili tidak ketandusan pakar rujuk dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan masyarakat Aceh.

Antara sumbangan terbesar Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili sebagai mufti kerajaan Aceh Dar al-Salam ialah mempertahankan kerajaan Aceh diperintah oleh seorang wanita dan juga berjaya menyelesaikan polemik wujudiah yang telah menyebabkan perpecahan yang besar dalam masyarakat Aceh. Selain menjadi mufti, beliau juga aktif mengarang karya-karya akademik yang menjadi rujukan pada masa tersebut. Antara karya tersebut ialah tafsir al-Qur`ān pertama di alam Melayu iaitu, *Tarjumān al-Mustafid*. Setelah menyumbangkan khidmat bakti yang tidak terhingga kepada kemajuan dan kemakmuran kerajaan Aceh Dar al-Salam, maka sampailah masa beliau menyahut panggilan Ilahi. Menurut catatan, Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili meninggal dunia pada tahun 1693M dan dimakamkan di Kuala Krueng Aceh, Banda Aceh.

RUJUKAN DI DALAM TARJUMĀN AL-MUSTAFĪD

Naskhah *Tarjumān al-Mustafid* yang telah dicetak oleh Percetakan Nasional Singapura pada tahun 1951 telah dijadikan naskhah induk untuk dianalisis. Pemerhatian dilakukan pada setiap halaman dan setiap rujukan yang dinyatakan oleh Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. Hasil daripada analisis tersebut mendapati bahawa Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah merujuk kepada tujuh buah tafsir, iaitu *Tafsīr al-Khāzin*, *Tafsīr*

al-Bayḍāwī, Tafsīr al-Thaʿlabī, Tafsīr al-Jalālayn, Tafsīr al-Baghawī, Tafsīr al-Ṭabarī dan Tafsīr al-Kalbī.

Tafsīr al-Khāzin

Nama sebenar pengarang *Tafsīr al-Khāzin* ialah ʿAlī bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin ʿUmar bin Khalīl al-Shayḥiy yang terkenal dengan gelaran al-Khāzin. Beliau sangat alim dalam bidang tafsir, fiqh, hadith dan pelbagai bidang ilmu. Beliau dilahirkan di Baghdād pada tahun 678 Hijrah. Beliau telah memperdengarkan bacaan al-Quran dengan Imam Thaʿālabī sebelum berhijrah ke Damsyik dan berguru dengan al-Qāsim bin Muzaffar dan ramai lagi. Beliau merupakan penjaga perpustakaan Madrasah al-Simṣaṭiyah maka disebabkan itu beliau digelar al-Khāzin (penjaga). Beliau wafat dan dikebumikan di Halab pada tahun 741 Hijrah¹⁵.

Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah menyatakan *Tafsīr al-Khāzin* dalam *Tarjumān al-Mustafīd* sebanyak 143 kali. Penemuan ini menunjukkan bahawa *Tafsīr al-Khāzin* adalah rujukan Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili yang paling dominan ketika mengarang *Tarjumān al-Mustafīd*.

Tafsīr al-Bayḍāwī

Nama sebenar pengarang ialah Nāṣiruddīn Abū al-Khayr (Abū Saʿīd) ʿAbdullah bin ʿUmar bin ʿAlī al-Bayḍāwī al-Shayrāzī Shāfiʿī. Imam al-Suyūṭī menyifatkan beliau seorang yang sangat alim dan luas pengetahuan dalam bidang fiqh, usul, bahasa Arab dan mantik. Beliau dilahirkan di sebuah tempat bernama Bayḍāʿ yang terletak dalam negara Parsi (Iran). Walau bagaimanapun para ulama tidak dapat menyatakan dengan tepat tahun kelahiran beliau. Beliau pernah menjadi Qāḍī di Shīrāz untuk beberapa tahun. Selepas itu, beliau berhijrah ke Tibrīz dan wafat di sana pada tahun 685 Hijrah. Antara karya yang terkenal adalah *Tafsīr al-Bayḍāwī* yang nama lengkapnya ialah *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Taʿwīl al-Maʿrūf bi Tafsīr al-Bayḍāwī*¹⁶.

Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah menyatakan *Tafsīr al-Bayḍāwī* dalam *Tarjumān al-Mustafīd* sebanyak 121 kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa *Tafsīr al-Bayḍāwī* adalah antara kitab tafsir yang banyak dirujuk oleh Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. Walau bagaimanapun, *Tafsīr al-Bayḍāwī* tidak mendominasi rujukan Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili sebagaimana *Tafsīr al-Khāzin*.

Tafsīr al-Thaʿlabī

Nama sebenar pengarang ialah Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm. Beliau digelar Abū Ishāq dan terkenal dengan gelaran al-Thaʿlabī. Beliau dilahirkan di al-Naysābūrī. Beliau seorang yang alim dalam bidang tafsir, hadis, tatabahasa dan pelbagai bidang ilmu. Beliau wafat pada hari rabu, 23 Muharram tahun 427 Hijrah¹⁷.

Shaykh Abd Raʿuf Ali al-Fansuri al-Singkili telah menyatakan *Tafsīr al-Thaʿlabī* dalam *Tarjumān al-Mustafīd* sebanyak dua kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili juga telah menjadikan *Tafsīr al-Thaʿlabī* sebagai salah satu daripada rujukan beliau dalam mengarang *Tarjumān al-Mustafīd*.

Tafsīr al-Jalālayn

Kitab ini dikarang oleh dua orang ulama muktabar. Pengarang pertama ialah Jalāluddīn Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad al-Maḥallī. Nama sebenar beliau ialah Jalāluddīn Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Maḥallī. Beliau dilahirkan di Baṣrah pada tahun 791 Hijrah. Beliau sangat alim dalam bidang tafsir, seni, fiqh, usul, tatabahasa, mantik dan banyak lagi. Ulama yang sezaman dengan beliau menyifatkan kehandalan otaknya setajam permata dalam menyelesaikan permasalahan agama. Antara karya beliau ialah *Sharh al-Manḥāj, al-Badr al-Ṭālīʿ fi Hal Jamʿu al-Jawāmiʿ* dan banyak lagi. Beliau mengarang *Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn* bermula daripada awal surah al-Kahfi sehingga akhir al-Qurʿān dan kemudian beberapa ayat daripada surah al-Baqarah. Kitab ini dilengkapkan oleh pengarang yang kedua. Imam Jalāluddīn al-Maḥallī wafat di Mesir pada tahun 864 Hijrah.

Pengarang kedua *Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn* ialah Jalāluddīn ʿAbd Raḥmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī. Nama sebenar pengarang ialah Jalāluddīn ʿAbd Raḥmān bin Abī Bakr bin Muḥammad bin Sābiq al-Dīn al-Khūḍayrī al-Suyūṭī. Beliau dilahirkan dalam bulan Rejab tahun 849 Hijrah di Qāhirah. Bapanya meninggal ketika beliau berumur lima tahun. Antara guru beliau ialah pengarang pertama *Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn*, Shaykh Sharfuddīn Yaḥyā bin Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Hassan bin ʿAlī al-Shumunnī (wafat 872 Hijrah), Shaykh Muḥyiyuddīn Muḥammad bin Sulaymān bin Saʿad bin Masʿūd al-Rūmī al-Kāfījī (wafat 879 Hijrah) dan ramai lagi. Antara karya beliau ialah *al-Jāmiʿ al-Kabīr, al-Itqān fi ʿUlūm al-Qurʿān* dan

banyak lagi. Beliau wafat pada hari Khamis malam Jumaat 19 Jumādā al-Awwal, tahun 911 Hijrah dan dikuburkan di rumahnya di Qāhirah¹⁸.

Shaykh Abd Ra'uf Ali al-Fansuri al-Singkili telah menyatakan *Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn* dalam *Tarjumān al-Mustafīd* sebanyak satu kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili juga telah menjadikan *Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn* sebagai salah satu daripada rujukan-rujukan beliau ketika mengarang *Tarjumān al-Mustafīd*.

Tafsīr al-Baghawī

Nama pengarang kitab tafsir ini ialah al-Ḥussayn bin Mas'ūd bin Muḥammad al-Farrā' (Ibn al-Farrā' atau Abū Muḥammad) al-Baghawī. Antara gelaran beliau ialah Muḥyīy al-Sunnah dan al-Baghawī. Beliau dinisbahkan kepada al-Baghawī kerana dilahirkan di sebuah kampung bernama Baghā yang terletak di Khurasan manakala gelaran al-Farrā' pula bermaksud pembuat dan penjual baju. Al-Baghawī adalah seorang yang sangat alim dalam bidang tafsir, hadis dan fiqah. Beliau seorang ulama fiqah yang bermazhab al-Shāfi'ī. Al-Baghawī seorang yang sangat zuhud dalam kehidupannya, berakhlak mulia dan sangat mengambil berat tentang amalan-amalan yang disandarkan kepada amalan Nabi Muhammad SAW.

Beliau telah menuntut ilmu daripada beberapa orang ulama yang terkenal, antaranya Ḥussayn bin Muḥammad al-Murūzī seorang kadi di Turkeministan, Abū al-Ḥassan 'Alī bin Yusūf al-Juwaynī, seorang ulama besar di kota Hijaz, 'Abd al-Wāḥid bin Aḥmad bin Abī al-Qāsim yang banyak meriwayatkan hadis sahih dari al-Nu'aymī dan Ḥassān bin Sa'īd al-Manī'ī. Selain itu, al-Baghawī mengambil ijazah hadis daripada ulama besar iaitu Abī Sa'īd Muḥammad bin Aḥmad al-Nawqānī al-Shāfi'ī. Selain itu, beliau telah berguru dengan abangnya, al-Ḥassan bin Mas'ūd Abū 'Alī al-Baghawī dan seorang ulama yang muktabar pada zaman tersebut, Abū al-Futūḥ Muḥammad bin Abī Ja'far Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Ṭā'ī al-Hamdānī.

Antara karya yang telah beliau hasilkan ialah *al-Tahdhīb* dalam bidang fiqah, *Sharḥ al-Sunnah* dalam bidang hadis, *Li Bāb al-Ta'wīl fī Ma'ālim al-Tanzīl* dalam bidang tafsir, kumpulan hadis-hadis yang diriwayatkan dalam *Maṣābiḥ al-Sunnah* dan sebagainya. Beliau wafat pada tahun 516 Hijrah bersamaan 1222 Masihi di Moro, atau dikenali

dengan nama Turkeministan pada masa sekarang¹⁹.

Shaykh Abd Ra'uf Ali al-Fansuri al-Singkili telah menyatakan *Tafsīr al-Baghawī* dalam *Tarjumān al-Mustafīd* sebanyak sembilan kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili juga telah menjadikan *Tafsīr al-Baghawī* sebagai salah satu daripada rujukan beliau ketika mengarang *Tarjumān al-Mustafīd*.

Tafsīr al-Ṭabarī

Nama pengarang kitab tafsir ini ialah Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr al-Ṭabarī. Beliau dilahirkan di daerah Āmul, Ṭabaristan di utara Iran²⁰. Terdapat dua pendapat yang berlawanan tentang tahun kelahiran beliau. Pendapat pertama mengatakan beliau dilahirkan pada akhir tahun 224 Hijrah manakala pendapat yang kedua pula menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada awal tahun 225 Hijrah. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang sangat mementingkan penguasaan ilmu agama. Oleh sebab demikian, beliau telah menghafal al-Qur'ān seawal usia muda lagi. Setelah dilengkapi dengan asas-asas pengetahuan ilmu agama, maka beliau telah berhijrah ke luar daripada kampungnya menuju ke kota Baghdad untuk menuntut ilmu. Pada masa tersebut, kota Baghdad merupakan tempat perkumpulan ramai ulama tabi'in yang menuntut ilmu langsung daripada para sahabat Baginda Rasulullah SAW antaranya, Ulaqamah bin Qays²¹, al-Aswad bin Yazīd²², Masrūq²³, al-Sya'bi²⁴ dan Murrāh al-Ḥamdānī²⁵. Beliau telah menuntut ilmu daripada ramai ulama yang muktabar dalam pelbagai disiplin ilmu seperti hadis, fiqah, tafsir, bahasa dan tatabahasa antaranya, Muḥammad bin 'Abdul Malik bin Abī al-Shawārib, Ishāq bin Abī Isrā'īl, Aḥmad bin Manī' al-Baghawī, Muḥammad bin Ḥamīd al-Rāzī, Ya'qūb bin Ibrāhīm al-Dawraqīy, 'Umar bin 'Alī al-Fallās dan Sufyān bin Wakī'.

Selepas itu, Abū Ja'far al-Ṭabarī telah bergerak menuju ke kota Basrah dan telah menuntut pelbagai disiplin ilmu daripada ramai cendekiawan terkemuka pada waktu tersebut antaranya, Muḥammad bin Mūsā al-Ḥarshī, Muḥammad bin 'Abdul A'lā al-Ṣan'ānī, Bashār bin Mu'ādh, Muḥammad bin Bashshār Bundār dan Muḥammad bin al-Muthannā al-'Anazī. Di kota Kufah, beliau telah menuntut ilmu daripada beberapa orang ulama muktabar antaranya Abī Karīb Muḥammad bin al-'Alā' al-Hamdānī, Hannād bin al-Sirrī, Ismā'īl bin Mūsā al-Suddīy. Al-Ṭabarī juga telah menuntut di Mesir. Antara gurunya ialah, al-Rabī' bin Sulaymān al-Murādī, Ismā'īl bin

Ibrāhīm al-Muznī, Muḥammad bin °Abdullāh bin °Abd al-Hākīm, Ibn Wahb dan Yūnus bin °Abd al-A°lā al-Ṣadafiy. Rehlah ilmu al-Ṭabarī yang luas menjadikan beliau seorang yang sangat alim bukan sahaja dalam bidang tafsir al-Qur`ān, malah beliau juga menguasai beberapa disiplin ilmu, antaranya fiqah, hadis, sejarah, ilmu bahasa, tatabahasa, syair dan sebagainya. Beliau banyak menulis tentang tafsir, sejarah dan himpunan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW dan antara karya agung beliau ialah *Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābih Jāmi° al-Bayān °an Ta°wīl Āyi al-Qur`ān* dalam bidang tafsir al-Qur`ān. Beliau telah wafat pada waktu maghrib, hari Ahad, penghujung bulan Syawal pada tahun 310 Hijrah dan dikebumikan pada keesokan harinya di bandar al-Salām, kota Baghdad.

Shaykh Abd Ra°uf Ali al-Fansuri al-Singkili telah menyatakan *Tafsīr al-Ṭabarī* dalam *Tarjumān al-Mustafīd* sebanyak dua kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili juga telah menjadikan *Tafsīr al-Ṭabarī* sebagai salah satu daripada rujukan beliau ketika mengarang *Tarjumān al-Mustafīd*.

Tafsīr al-Kalbī

Tafsir ini dikarang oleh Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin °Abdullāh bin Ibn Yaḥyā. Antara gelaran beliau ialah Ibn Juzay, al-Kalbī dan Abū al-Qāsim. Beliau seorang yang bermazhab Maliki. Al-Kalbī bukan sahaja alim dalam bidang tafsir, malah beliau juga mahir dalam beberapa disiplin ilmu, antaranya ilmu usul dan ilmu bahasa. Beliau

adalah guru kepada salah seorang tokoh penyair, ahli sejarah, ahli fizik dan sastera yang terkenal di Sepanyol iaitu Lisān al-Dīn Ibn al-Khaṭīb. Al-Kalbī juga salah seorang pembakar semangat tentera-tentera Islam ketika perang salib yang digelar Ma°rikah Ṭarīf. Al-Kalbī telah mengarang sebuah tafsir yang bertajuk *al-Tashīl li °Ulūm al-Tanzīl* yang telah dirujuk oleh Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili dalam *Tarjumān al-Mustafīd*⁶.

Shaykh Abd Ra°uf Ali al-Fansuri al-Singkili telah menyatakan *Tafsīr al-Kalbī* dalam *Tarjumān al-Mustafīd* sebanyak satu kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili juga telah menjadikan *Tafsīr al-Kalbī* sebagai salah satu daripada rujukan beliau ketika mengarang *Tarjumān al-Mustafīd*.

PERBAHASAN / HASIL PERBAHASAN

Merujuk kepada dapatan-dapatan yang telah diperoleh hasil daripada pentahkikan dan analisis dokumen menunjukkan bahawa *Tafsīr al-Khāzin* dirujuk sebanyak 141 kali dan menjadi rujukan utama Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili dalam mengarang *Tarjumān al-Mustafīd*. Walaupun *Tafsīr al-Bayḍāwī* dirujuk sebanyak 121 kali dalam *Tarjumān al-Mustafīd*, majoriti rujukan tersebut tertumpu kepada kelebihan-kelebihan surah dalam al-Qur`ān. Hanya terdapat sebilangan kecil tafsiran ayat-ayat al-Qur`ān dan Asbāb al-Nuzūl yang dirujuk kepada *Tafsīr al-Bayḍāwī* berbanding *Tafsīr al-Khāzin* yang dilihat lebih dominan dalam *Tarjumān al-Mustafīd*.

JADUAL 1. Menunjukkan rumusan rujukan-rujukan mengikut halaman dalam *Tarjumān al-Mustafīd*.

1. Tafsīr al-Khāzin:

Halaman 2, 3, 7, 8, 9, 10, 12, 16, 19, 22, 23, 27, 27, 28, 29, 31, 36, 39, 40, 41, 42, 43, 53, 55, 55, 56, 59, 60, 62, 70, 75, 81, 89, 91, 113, 124, 125, 128, 132, 142, 143, 146, 153, 155, 160, 173, 175, 175, 179, 180, 181, 186, 190, 196, 205, 207, 207, 209, 227, 232, 236, 240, 245, 288, 292, 295, 318, 324, 329, 330, 336, 352, 359, 363, 366, 368, 376, 379, 387, 388, 388, 391, 393, 394, 396, 396, 404, 406, 413, 418, 427, 435, 441, 450, 455, 456, 479, 511, 512, 513, 514, 515, 517, 518, 518, 521, 527, 527, 527, 528, 532, 533, 533, 535, 536, 539, 539, 539, 540, 544, 546, 548, 551, 552, 552, 563, 567, 570, 576, 577, 578, 579, 580, 585, 590, 590, 594, 598, 601, 602, 609, 609 dan 610

2. Tafsīr al-Bayḍāwī:

Halaman 2, 8, 8, 10, 51, 78, 107, 108, 129, 152, 178, 188, 208, 222, 222, 236, 250, 256, 263, 268, 283, 294, 306, 313, 323, 334, 343, 350, 360, 367, 377, 386, 397, 405, 412, 415, 418, 419, 429, 430, 435, 441, 447, 453, 459, 468, 478, 483, 490, 497, 499, 503, 508, 512, 516, 516, 519, 522, 524, 527, 529, 532, 535, 538, 543, 546, 550, 552, 554, 555, 557, 559, 561, 563, 565, 567, 569, 572, 573, 575, 577, 579, 581, 583, 584, 586, 588, 589, 590, 591, 592, 593, 594, 595, 596, 597, 598, 599, 600, 601, 601, 602, 602, 603, 603, 604, 605, 605, 606, 606, 606, 607, 608, 608, 609, 609, 609, 610 dan 610

3. Tafsīr al-Tha°labī: Halaman 13 dan 16.

4. Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn: Halaman 16

5. Tafsīr al-Baghawī: Halaman 234, 239, 250, 270, 275, 536, 542, 543 dan 575

6. Tafsīr al-Ṭabarī: Halaman 74 dan 607

7. Tafsīr al-Kalbī: Halaman 51

Selain itu, pengaruh Iran juga dilihat dominan dalam *Tarjumān al-Mustafīd*. Pengarang *Tafsīr al-Ṭabarī*, pengarang *Tafsīr al-Baghawī*, *Tafsīr al-Thaʿlabī* dan pengarang *Tafsīr al-Bayḍāwī* berasal dari Iran. Hal ini mungkin disebabkan penggunaan tulisan jawi di alam Melayu pada masa tersebut yang diserap daripada tulisan Parsi.

Selain itu, kitab tafsir seperti *Tafsīr al-Khāzin*, *Tafsīr al-Imāmāyṅn al-Jalālayn* dan *Tafsīr al-Kalbī* yang ditulis oleh pengarang-pengarang yang berasal dari Iraq dan timur tengah menunjukkan pengalaman Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili selama 19 tahun menuntut ilmu di luar Aceh digunakan sebaiknya untuk menghasilkan sebuah karya yang sangat istimewa.

KESIMPULAN

Tarjumān al-Mustafīd ialah sebuah tafsir yang sangat bernilai di alam Melayu. Isi kandungan yang mempunyai pelbagai disiplin ilmu, bukan sahaja terhad kepada disiplin ilmu tafsir, malah Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah mengarang sebuah tafsir yang membahaskan tentang ilmu hadis, ilmu Qirāʿāt, ilmu tatabahasa dan sebagainya. Selain itu, beliau juga telah menggunakan dialek-dialek tempatan seperti bahasa Batak, bahasa Aceh dan bahasa Melayu selain menggunakan kata pinjaman bahasa Arab untuk memberikan kefahaman yang tepat berkaitan tafsiran ayat-ayat al-Qurʿān.

Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah merujuk kepada tujuh tafsir utama, iaitu *Tafsīr al-Khāzin*, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Tafsīr al-Imāmāyṅn al-Jalālayn*, *Tafsīr al-Thaʿlabī*, *Tafsīr al-Ṭabarī*, *Tafsīr al-Baghawī*, dan *Tafsīr al-Kalbī* ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Qurʿān dalam *Tarjumān al-Mustafīd*. Selain itu, Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili juga telah merujuk kepada *Manāfiʿ al-Qurʿān* dalam membawa kelebihan membaca surah-surah tertentu dalam al-Qurʿān.

Pengkaryaan *Tarjumān al-Mustafīd* memberi cetusan kepada para ilmuwan alam Melayu terkemudian untuk mengarang sebuah tafsir al-Qurʿān yang mudah difahami oleh masyarakat Melayu dan sesuai dengan kehidupan seharian mereka. Sesungguhnya, *Tarjumān al-Mustafīd* bukan sekadar tafsir, malah ia adalah sebuah panduan hidup khusus kepada masyarakat Melayu dan masyarakat seluruh dunia amnya.

NOTA

1. Rosihan Anwar, *Ulum al-Qurʿān*, Pustaka Setia, Bandung, 2008 Masihi, hlm. 209.

2. Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ashʿath al-Sijistānī, *Sunan lī al-Imām Abī Dāwūd*, Dār al-Taʿsīl, Qāhīrah, Jil. 3, 2015, hlm. 283.
3. Hadis ini diriwayat oleh Ibnu Masʿūd dan bertaraf sahih (Shihābuddīn Aḥmad bin ʿAlī bin Ḥajar al-ʿAthqalānī, *Hūdā al-Sārī lī al-Muqaddimah Faṭḥ al-Bārī*, Risālah al-ʿĀlamiyyah, Bayrūt, Jil. 11, 2013 Masīhī, hlm. 191).
4. Shihābuddīn Aḥmad bin ʿAlī bin Ḥajar al-ʿAthqalānī, *Hūdā al-Sārī lī al-Muqaddimah Faṭḥ al-Bārī*, Risālah al-ʿĀlamiyyah, Bayrūt, Jil. 11, 2013 Masīhī, hlm. 191.
5. Muṣṭafā Muslim, *Manāhij al-Mufasssīrīn*, Dār al-Muslim, Riyāḍ, 1415 Hijrah, hlm. 47.
6. *Ibid.* hlm. 129.
7. *Ibid.* hlm. 85.
8. Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad 17 dan 18*, Percetakan Mizan, Bandung, 1995, hlm. 167.
9. Peter G. Riddell, *Tafsir Klasik di Indonesia*, *Mimbar Agama dan Budaya*, Vol. 17, No. 2, 2000, hlm.
10. Ismail, *Falsafah Wujudiyah Hamzah Fansuri*, *Pemikiran Dan Pengaruhnya Di Dunia Melayu Nusantara*, *Jurnal Manhaj*, Vol 3, Isu 3, 2016.
11. Mohd Syukri Yeoh bin Abdullah, “Pemikiran Dakwah Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili” (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), hlm. 102.
12. Manuskrip *Tarjumān al-Mustafīd* ini ditemui di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur (Kod MSS329, disalin pada tahun 1299 H di Mekah).
13. Sibawayh, al-Kitāb, *Penyunting Abdul Salam Harun*, *Hayʿah al-Miṣriyyah al-ʿAmmah lī al-Kitāb*, Mesir, 1977 Masihi, hlm. 42.
14. Mat Saad Abd. Rahman, *Panduan Tahqiq*, *Ikatan Studi Islam UKM*, Bangi, 1983 Masihi, hlm. 7.
15. ʿĀdil Nuwayhid, *Muʿjam al-Mufasssīrīn*, *Muassasah al-Nuwayhid al-Thaqāfiyyah*, Bayrūt, 1403 Hijrah, Jil. 1, hlm. 379
16. Nāṣiruddīn Abī al-Khayr ʿAbdullah bin ʿUmar bin Muḥammad al-Shayrāzī al-Shāfiʿī al-Bayḍāwī, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Taʿwīl al-Maʿrūf bi Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Pentahqiq Muḥammad ʿAbdul Rahmān al-Murʿashlī*, Dār Iḥyāʿ al-Turāth al-ʿArabīy, Bayrūt, 1418 Hijrah, Juz 1, hlm. 9-11; ʿĀdil Nuwayhid, *Muʿjam al-Mufasssīrīn*, *Muassasah al-Nuwayhid al-Thaqāfiyyah*, Bayrūt, 1403 Hijrah, Jil. 1, hlm. 318
17. Abī Ishāq Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Thaʿlabī, *al-Kashfu wa al-Bayān fī Tafsīr al-Qurʿān al-Maʿrūf bi Tafsīr al-Thaʿlabī*, *Pentahqiq Shaykh Sayyid Kasrawī Ḥasan*, Dār Kutub al-ʿIlmiyyah, Bayrūt, 1425 Hijrah, Juz 1, hlm. 19 – 21.
18. Jalāluddīn Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad al-Maḥallī dan Jalāluddīn ʿAbd Rahmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī, *Tafsīr al-Imāmāyṅn al-Jalālayn*, *Pentahqiq ʿAbd Qādir al-ʿArnaʿūt*, Dār Ibn Kathīr, Dimashq, 1408 Hijrah, hlm. 9 – 12
19. Abū Muḥammad al-Ḥusayn bin Masʿūd bin Muḥammad bin al-Farāʿ al-Baghawī al-Shāfiʿī, *Maʿālim al-Tanzīl fī Tafsīr al-Qurʿān – Tafsīr al-Baghawī*, *Pentahqiq ʿAbd al-Razzāq al-Mahdī*, Dār Iḥyāʿ al-Turāth al-ʿArabīy, Bayrūt, 1420 Hijrah, Juz 1, hlm. 5 – 6; ʿĀdil Nuwayhid, *Muʿjam al-Mufasssīrīn min Ṣadr al-Islām Ḥattā al-ʿAṣr al-Ḥāḍir*, *Muassasah al-Nuwayhid al-Thaqāfiyyah*, Bayrūt, 1983 Masihi / 1403 Hijrah, hlm. 16.
20. Abū Jaʿfar Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābih Jāmiʿ al-Bayān ʿan Taʿwīl Āyi al-Qurʿān*, *Pentahqiq Aḥmad Muḥammad Shākīr*, *Muʿassasah al-Risālah*, Bayrūt, 1420 Hijrah, Juz 1, hlm. 10

21. Ulaqamah bin Qīs, ulama tabi'in yang thiqah, sangat alim dalam bidang ulum syariah. Beliau wafat pada tahun 61 Hijrah (Muhammad Umar al-Hāj, Mawsū'ah al-Tafsīr Qablā 'Ihda al-Tadwīn, Dār al-Maktabī, Dimashq, 1427 Hijrah, hlm. 281).
22. Aswād bin Yazīd seorang ulama tabi'in yang sangat faqih dalam bidang tafsir. Beliau wafat pada tahun 74 Hijrah (Muhammad Umar al-Hāj, Mawsū'ah al-Tafsīr Qablā 'Ihda al-Tadwīn, Dār al-Maktabī, Dimashq, 1427 Hijrah, hlm. 282).
23. Masrūq bin al-Ajdā' bin Mālik bin Umayyah al-Hamdānī al-Kūfī. Abī Ishāq telah berkata: "Masrūq menunaikan haji tanpa tidur melainkan bersujud sahaja". Beliau wafat pada tahun 63 Hijrah (Muhammad Husīn al-Zahabī, al-Tafsīr al-Mufasssīrūn, Maktabah Wahbah, Qāhirah, 1396 Hijrah, Jil. 1, hlm. 89).
24. Amīr bin Sha'bī adalah ulama tabi'in yang duduk dalam kalangan 500 orang sahabat. Beliau meriwayatkan tafsir dari Ibn Abbās. Beliau wafat pada tahun 109 Hijrah (Muhammad Umar al-Hāj, Mawsū'ah al-Tafsīr Qablā 'Ihda al-Tadwīn, Dār al-Maktabī, Dimashq, 1427 Hijrah, hlm. 282).
25. Murrāh bin Sharāhil al-Hamdānī al-Kūfī. Beliau meriwayatkan hadis dari ramai sahabat Baginda S.A.W. seperti Khalifah yang empat, Ibn Mas'ūd dan lain-lain. Hārith al-Ghanawī berkata: "Murrāh solat sebanyak 600 rakaat dalam sehari". Murrāh bin Sharāhil wafat pada tahun 76 Hijrah (Muhammad Husīn al-Zahabī, al-Tafsīr al-Mufasssīrūn, Maktabah Wahbah, Qāhirah, 1396 Hijrah, Jil. 1, hlm. 91).
26. 'Ādil Nuwayhid, Mu'jam al-Mufasssīrīn, Muassasah al-Nuwayhid al-Thaqāfiyyah, Bayrūt, 1403 Hijrah, Jil. 1, hlm. 481

Ahmad Safwan bin Raihan
Pelajar
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: ahmadsafwanraihan@yahoo.com

Mohd Syukri Yeoh Abdullah (Ph.D)
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: syukri@ukm.edu.my

Ros Mahwati Ahmad Zakaria (Ph.D)
Felo Penyelidik
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: rosmahwati@ukm.edu.my

Muammar Ghaddafi Hanafiah (Ph.D)
Pensyarah
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Diserahkan: 29 Julai 2020
Diterima: 5 Januari 2021

RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karīm
Abī Ishāq Ahmad bin Muhammad bin Ibrāhīm al-Tha'labī. 1425H. *al-Kashfu wa al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'an, al-Ma'rūf bi Tafsīr al-Tha'labī*. Pentahkik Shaykh Sayyid Kasrawī Hasan. 6 jilid. Bayrūt: Dār Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sijistānī. 2015. *Sunan lī al-Imām Abī Dāwūd*. 8 jilid. Qāhirah: Dār al-Ta'sīl.
- Abū Ja'far Muhammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr al-Ṭabarī. 1420H. *Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābih Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āyi al-Qur'an*. Pentahkik Ahmad Muhammad Shākir. 7 jilid. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah.
- Abū Muhammad al-Husayn bin Mas'ūd bin Muhammad bin al-Far' al-Baghawī al-Shāfi'ī. 1420H. *Ma'ālim al-Tanzīl fī Tafsīr al-Qur'an – Tafsīr al-Baghawī*. Pentahkik 'Abd al-Razzāq al-Mahdī. 5 jilid. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiy.
- Azymardi Azra. 1995. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Pn. Mizan.
- 'Ādil Nuwayhid. 1983/1403H. *Mu'jam al-Mufasssīrīn min Sadr al-Islām Hattā al-'Asr al-Hādīr*. Bayrūt: Muassasah al-Nuwayhid al-Thaqāfiyyah.
- Ismail. 2016. Falsafah Wujudiah Hamzah Fansuri, Pemikiran dan Pengaruhnya di Dunia Melayu Nusantara. *Jurnal Manhaj* 3(3).
- Jalāluddīn Muhammad bin Ahmad bin Muhammad al-Maḥallī dan Jalāluddīn 'Abd Raḥmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī. 1408H. *Tafsīr al-Imāmīn al-Jalālayn*. Pentahkik 'Abd Qādir al-Arna'ū. Dimashq: Dār Ibn Kathīr.
- Manuskrip Tarjumān al-Mustafīd ini ditemui di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, (Kod MSS329, disalin pada tahun 1299 H di Mekah).
- Mat Saad Abd. Rahman. 1983. *Panduan Tahqiq*. Bangi: Ikatan Studi Islam UKM.
- Mohd Syukri Yeoh. 2008. Pemikiran Dakwah Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili, Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Muṣṭafā Muslim. 1415H. *Manāhij al-Mufasssīrīn*. Riyāḍ: Dār al-Muslim.
- Nāsiruddīn Abī al-Khayr 'Abdullah bin 'Umar bin Muhammad al-Shayrāzī al-Shāfi'ī al-Bayḍāwī. 1418H. *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl al-Ma'rūf bi Tafsīr al-Bayḍāwī*. Pentahkik Muhammad 'Abd Raḥmān al-Mur'ashlī. 5 jilid. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiy.
- Peter G. Riddell. 2000. Tafsir Klasik di Indonesia dlm. *Mimbar Agama dan Budaya* 17(2): 9.
- Rosihan Anwar. 2008. *Ulum al-Qur'an*. Bandung: Pustaka Setia, Bandung.
- Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. 1951. *Tarjumān al-Mustafīd terjemahan Tafsīr al-Bayḍāwī*. Pentahkik Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawī al-Azhari. Singapura: Pustaka Nasional Singapura.
- Shihābuddīn Ahmad bin 'Alī bin Hajar al-'Athqalānī. 2013. *Hūdā al-Sārī li al-Muqaddimah Faṭḥ al-Bārī*. Bayrūt: Risālah al-'Ālamiyyah.
- Sibawayh. 1977. *al-Kitāb*. Penyunting Abdul Salam Harun. Mesir: Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Ammah lil Kitāb.